

PERIKATAN  
NASIONAL



# PROGRAM

PERIKATAN NASIONAL  
KELANTAN

كلنتن مكا جو رعيت سيجماترا

*Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera*

Pilihanraya Umum Ke-15 Dewan Negeri Kelantan



اونديله بولن  
PRIHATIN  
BERSIH  
STABIL  
• PN TETAP BEST •



# TAWARAN-TAWARAN PROGRAM:

## 1 PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI



- Membuka bandar baharu dan membangunkan bandar sempadan yang mampu menambah peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.
- Melaksanakan projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) di seluruh Jajahan.
- Mewujudkan Pusat Pentadbiran Jajahan yang baharu melibatkan Jajahan Tumpat, Kuala Krai dan Machang.

## 2 PEMBANGUNAN BEKALAN AIR BERSIH



- Menjenamakan semula Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd dan menambahkan simpanan bekalan air melalui projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS).
- Menyediakan bantuan pemasangan paip AKSB kali pertama kepada rakyat B40.

## 3 PEMBANGUNAN INSANIAH



- Memperkasa Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) ke arah melahirkan Kepimpinan Komuniti berteraskan Budaya Rabbani di peringkat Mukim.

## 4 PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN




- Meningkatkan kadar pinjaman YAKIN dan menambah bilangan penerima termasuk pelajar *post-graduate* dalam bidang kritikal.
- Menubuhkan Sekolah Tahfiz di Kuala Krai dan Gua Musang dibawah program Satu Jajahan Satu Tahfiz.
- Meluaskan kerjasama strategik dengan IFEMPTS atau Institut Kemahiran dalam pelbagai bidang.

## 5 PEMBANGUNAN WANITA



- Menaik taraf Pusat Pembangunan Wanita Kelantan (PPWK) kepada Kolej bagi menjayakan Latihan kemahiran dan Usahawan kecil wanita.
- Menganjurkan latihan kepimpinan wanita kontemporari di bawah Leadership Empowerment Centre
- Melahirkan perantis mahir dari kalangan wanita muda (Genius Abqariah).

## 6 PEMBANGUNAN KELUARGA DAN MASYARAKAT



- Memperkasakan Pakej Keluarga Mawaddah dan Penubuhan Sukarelawan Mawaddah Support Team (SMST).
- Pemerksaan modul kekeluargaan dan keibubapaan.
- Melaksanakan Pembangunan Masyarakat Berkebajikan menerusi program Latihan Sukarelawan Kebajikan Komuniti.

7

## ANAK MUDA BERMARUAH



- Mengasah bakat kepimpinan anak muda melalui penubuhan Felo Darul Naim.
- Membantu anak muda membina kestabilan hidup dengan inisiatif Agroniaga Muda, lesen motosikal percuma, G4K Rider Care (Takaful) dan Skim Kontraktor Muda.
- Menjaga Kebajikan Mahasiswa menerusi Kad Siswa Kelantan (It'am Siswa) dan Kad Siswa Kelantan (Tiket Pulang).
- Membina kebahagiaan keluarga muda dengan bantuan sewa rumah, kouta khas Rumah Dhuafa', K4G Health (Kad Takaful) dan Bantuan Sara Hidup.
- Menyediakan padang bola sepak dan pusat aktiviti remaja di setiap parlimen bagi memupuk gaya hidup sihat..
- Mewujudkan Komuniti Bestari (Smart Community) Anak Muda Kelantan.

9

## PERLUASAN PRASARANA DIGITAL



- Menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi Digital Rakyat Kelantan dan platform pemasaran teknologi Blockchain.

11

## MELESTARI ALAM SEKITAR



- Merencanakan Projek Pelancongan Hijau di Lojing Highlands terutama melibatkan Taman Pemeliharaan Rafflesia.
- Menjadikan Bandar Kota Bharu sebagai Bandar Pintar, manakala Bandar Baru Tunjong sebagai Bandar Hijau dan Rendah Karbon.
- Membangunkan Taman Biodiversiti di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

8

## KECAKNAAN INSAN ISTIMEWA



- Memperkenalkan Kad Warga Emas B40, Skim Cakna Warga Emas Al-Muqarramun dan Skim Ma'aruf OKU.
- Menambahbaik Skim Khas One-Off Dhuafa' Orang Miskin dan Skim Ihsan One-Off RM500 kepada Penjaga Pesakit Terlantar Terpilih.

10

## MEMAJUKAN PRODUKTIVITI PERTANIAN



- Memperhebat agenda sekuriti makanan dengan memperuntukkan tanah pertanian berskala komersial.
- Merencanakan pembangunan pertanian pintar dan moden melalui geran permulaan pertanian dan geran mekanisasi.
- Menawarkan Skim Usahawan Tani Muda Kelantan, terutamanya dalam pembangunan tanah terbiar.
- Meningkatkan sektor perikanan melalui pembinaan kemudahan pendaratan ikan yang lengkap di Tok Bali dan Tumpat, merencanakan pemuliharaan kolam terbiar serta penyaluran bantuan input alatan kepada nelayan.
- Menjadikan Bachok sebagai hub penternakan utama dan Pasir Putih sebagai hub pengumpulan dan pembiakan kambing tenusu dan pedaging berkualiti.
- Membangunkan Program Wawasan Bioteknologi Kelantan melalui Pusat Penyelidikan Bio-Organik Kelantan dan Pusat Bio-Teknologi Pembiakan Haiwan.



**UNDILAH  
BULAN**

**PROGRAM  
PERIKATAN NASIONAL  
KELANTAN**

**12**

## IHTIRAFI TADBIR URUS



- Menubuhkan *One-Stop Centre (OSC)* pentadbiran tanah di setiap Pejabat Tanah dan Jajahan Negeri bagi melancarkan urusan pembangunan tanah.

**14**

## SENI BUDAYA DAN WARISAN KELANTAN



- Membangunkan Pakej Rangsangan Pelancongan dan Memperkasa kampung warisan dan perkampungan Melayu sebagai destinasi pelancongan Kelantan.
- Memajukan pengangkutan air dan eko-Pelancongan Sungai Kelantan.
- Memperkasakan Akademi Seni ke arah melahirkan pelatih seni budaya di setiap jajahan.

**16**

## MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA KAUM



- Menginstitusikan Pusat Integrasi Antara Kaum di setiap jajahan dengan menjalankan sesi dialog, sambutan hari keharmonian dan penganugerahan tokoh keharmonian Negeri Kelantan.
- Mewujudkan bantuan *one-off* seni budaya antara kaum kepada generasi pelapis.
- Memberikan fokus kepada agenda Masyarakat Orang Asli sesuai dengan kemajuan semasa.

**13**

## KESEJAHTERAAN RAKYAT



- Menggalakkan dan memberi insentif pembangunan koperasi tempatan sebagai agen pembangunan masyarakat.
- Membangunkan Yayasan Kemajuan Ekonomi Kelantan dan Yayasan Kebajikan Negeri Kelantan.
- Menyediakan skim galakan inisiatif pembangunan komuniti dalam Keusahawanan Sosial.
- Meningkatkan Skim Aktiviti Rakyat Sejahtera bagi persatuan penduduk dan taman perumahan.

**15**

## KESUKANAN DAN REKREASI



- Meningkatkan kemudahan Pusat Aktiviti *Indoor Game* di setiap PBT dan menjadikan Jeli dan Gua Musang sebagai destinasi sukan lasak *Rock* dan *Climbing*.

**17**

## CAKNA PERANTAU



- Mengoptimalkan Unit Hubungan Seranta dalam memantapkan kecaknaan berasaskan semangat kekeluargaan dan *hubbul waton* melalui Pusat Aktiviti Seranta.

**18**

## KEBERSAMAAN NGO



- Mengukuhkan kerjasama erat Urusetia Belia dan Sukan dengan pertubuhan yang mewakili anak muda di peringkat Parlimen dan Dun.

**UNDILAH  
BULAN****PROGRAM**PERIKATAN NASIONAL  
KELANTAN